



## **TEKS UCAPAN**

**YB FAHMI FADZIL  
MENTERI KOMUNIKASI**

**MAJLIS PENGUMUMAN LOGO DAN TEMA  
HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2024  
(HKHM 2024)**

**5 JUN 2024 (RABU), 2.30 PETANG**

**ANJUNG ARAS 32, KOMPLEKS KEMENTERIAN  
KOMUNIKASI, PUTRAJAYA**

Assalammualaikum, salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Terlebih dahulu, saya ucapkan terima kasih kepada semua pengamal media dan tetamu jemputan kerana sudi meluangkan masa menghadiri Majlis Pengumuman Logo serta Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 atau ringkasnya HKHM 2024.
2. Pengumuman Logo dan Tema HKHM 2024 bertujuan menguar-uarkan ketetapan pemilihan logo dan tema sempena sambutan tahun ini. Selain itu, pengumuman logo dan tema pada hari ini turut memberi peluang kepada sektor korporat mahupun swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan pelbagai pihak lain untuk bersama-sama kerajaan menyemarakkan sambutan HKHM melalui bahan cetakan tersendiri serta penganjuran program sempena HKHM 2024.

## **LOGO DAN TEMA HKHM 2024**

Hadirin yang dikasihi,

3. Logo dan tema sambutan memainkan peranan yang penting dalam menyuburkan semangat kebersamaan dalam menyambut HKHM. Sehubungan dengan itu, saya dengan sukacitanya mengumumkan pada tahun ini **Jemaah Menteri telah bersetuju mengekalkan logo yang sama seperti tahun sebelumnya.**
4. **Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka** pula telah dipilih sebagai tema sambutan HKHM 2024. **Malaysia MADANI** merupakan tunjang kemakmuran dan kemajuan negara melalui dukungan enam nilai teras utama.
5. Manakala, **Jiwa Merdeka** menzahirkan kebebasan rakyat daripada sebarang elemen negatif dalam menginterpretasikan semangat patriotik melalui aspek pemikiran, integrasi sosial dan ekonomi seterusnya membentuk kesatuan rakyat yang kukuh, harmoni serta progresif.

6. **Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka** merupakan perlambangan kesepaduan secara holistik negara maju dan progresif menaungi rakyat yang berbilang kaum, bersatu hati serta teguh jati dirinya.

## **PROGRAM SEPANJANG BULAN KEBANGSAAN 2024**

Hadirin yang dihormati,

7. Kementerian Komunikasi selaku Jawatankuasa Induk HKHM 2024 telah memulakan gerak kerja sambutan HKHM dengan pelbagai program yang dilaksanakan di seluruh negara. Kemeriahان sambutan HKHM 2024 dimulakan dengan penganjuran Ekspresi Bulan Kebangsaan 2024 pada 19 Mei yang lalu di Stesen Sentral Kuala Lumpur.
8. Memenuhi takwim sambutan HKHM antaranya **Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024 yang akan diadakan pada 13 Julai ini**. Signifikan majlis pelancaran ini adalah bagi mengira detik menuju sambutan Hari Kebangsaan 2024 pada 31 Ogos di Putrajaya. Seterusnya, momentum kemeriahان dan semangat patriotik akan terus disuburkan hingga sambutan Hari Malaysia 2024 pada 16 September di Sabah.
9. Program sampingan yang mengisi kalender sambutan pula melibatkan Kembara Merdeka Jalur Gemilang yang merupakan aktiviti konvoi kendaraan bagi membawa mesej kenegaraan dengan simbolik penyerahan Jalur Gemilang di setiap lokasi perhentian konvoi. Turut diadakan program Langkah Jiwa Merdeka bersama Membangun Malaysia MADANI, Semarak Gemilang Kita MADANI, Perkampungan MADANI, Jiwa Merdeka antara Kementerian dan PENTARAMA Live Jam. Perincian bagi semua program sempena sambutan Bulan Kebangsaan ini boleh dirujuk melalui portal rasmi HKHM 2024 iaitu [www.merdeka360.my](http://www.merdeka360.my).

## **INISIATIF 1 RUMAH 1 JALUR GEMILANG**

Hadirin yang dihormati,

10. Sempena sambutan HKHM pada tahun ini, aktiviti kibar Jalur Gemilang terus disemarakkan. **Inisiatif 1 Rumah 1 Jalur Gemilang** adalah bertepatan untuk menterjemahkan semangat patriotik dalam diri dan ahli keluarga kita. Hiasilah rumah dengan bendera yang menjadi identiti kita di seluruh pelosok dunia. Namun kibarkanlah Jalur Gemilang yang cukup sifatnya; tidak koyak, tidak uzur dan tidak lusuh kerana bendera ialah gambaran diri kita sebagai warganegara yang bertanggungjawab.

## **PERANAN DAN KERJASAMA MEDIA**

11. Bagi pihak kerajaan, saya ingin meminta kerjasama pihak media untuk menyebarluaskan maklumat ini supaya sampai kepada segenap lapisan masyarakat. Besarlah harapan saya agar logo dan tema ini dapat dipaparkan dalam semua medium komunikasi bagi menggelorakan semangat menuju sambutan Hari Kebangsaan pada bulan Ogos dan berterusan hingga sambutan Hari Malaysia pada bulan September nanti.
12. Peranan media juga amat penting dalam menyemarakkan sambutan HKHM dengan menyiaran kandungan berita dan program yang bersesuaian dengan tema sambutan di platform masing-masing. Semoga kerjasama strategik ini akan terus menyuburkan keharmonian masyarakat demi negara tercinta.

Sekian,

wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.